

11 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Pembangkang)

WASPADA KEMPEN BENCI OLEH PEMBANGKANG, KATA DR M

KOTA KINABALU, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk Sabah yang akan mula mengundi di pilihan raya negeri esok dan Sabtu, supaya tidak terpengaruh dengan kempen benci oleh parti-parti pembangkang.

Dalam persidangan berita sebelum pulang ke Kuala Lumpur di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata Parti Bersatu Sabah (PBS), PAS dan Bersekutu menggunakan kata-kata yang menimbulkan kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan dan beliau untuk mendapat undi.

"Inilah cara mereka berkempen... mereka menimbulkan kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan dan saya."

"Saya berharap penduduk Sabah tidak akan terpengaruh dengan kempen benci dan sentimen yang ditimbulkan oleh PBS, PAS dan Bersekutu kerana ia tidak menyumbang kepada masa depan lebih baik rakyat dan negeri," kata Dr Mahathir yang berada di Sabah untuk kali ketiga dalam tempoh sebulan.

Dr Mahathir berkata, kerana taksud dengan kempen benci itu parti-parti pembangkang gagal menumpukan kepada aspek memperbaiki taraf hidup rakyat dan memajukan Sabah.

Dr Mahathir sekali lagi menyatakan keyakinan yang Barisan Nasional (BN) akan kembali berkuasa dalam pilihan raya negeri kali kesembilan itu.

Sebelum persidangan berita itu, Perdana Menteri berada di Kudat untuk menjayakan kempen BN tetapi terpaksa membatalkan aturcara di Ranau kerana cuaca buruk.

Ditanya sama ada beliau berpendapat kempen itu menyeluruh, Dr Mahathir berkata beliau sendiri terbabit dalam kempen itu walaupun tanggungjawab itu telah berikannya kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Badawi.

"Tetapi oleh kerana timbalan saya baru sahaja mengambil alih peranan itu, saya memutuskan untuk membantu beliau."

"Walaupun saya mempunyai banyak kerja untuk dilakukan, saya memutuskan untuk membantu beliau dan saya banyak terbabit memandangkan keadaan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir meminta 726,000-pengundi di negeri itu untuk menilai semula BN berbanding parti-parti lawan dan memutuskan sendiri mana satu lebih baik untuk mereka.

"Kita mahu berkhidmat bagi penduduk Sabah dan membangunkan negeri ini sedangkan pembangkang hanya boleh menghasut kebencian dan menggambarkan pemimpin-pemimpin BN sebagai orang jahat," kata beliau.

Beliau juga bersetuju dengan kenyataan seorang wartawan yang isu dalam pilihan raya Sabah kali ini lebih mengenai "pembangunan lawan sentimen".

Dr Mahathir juga mengulas yang banyak bekas pemimpin PBS kini dalam BN kerana mereka sedar hanya BN yang boleh menunaikan janji pembangunan bagi Sabah.

"Mereka meninggalkan PBS kerana semasa mereka berada dalam parti itu, mereka mendapati PBS tidak dapat berbuat banyak bagi rakyat Sabah. Mereka kecewa dan sebab itu mereka meninggalkan parti itu.

Mengenai kawasan-kawasan dengan majoriti pengundi Kadazandusun, Dr Mahathir berkata masyarakat Kadazandusun kini mula faham dan menghargai BN dan ia juga bermakna kurang undi bagi PBS yang menguasai kawasan-kawasan itu sejak 1985.

Ditanya mengenai "RM4 bilion yang hilang" daripada Yayasan Sabah yang beliau sendiri bangkitkan semasa pilihan raya negeri 1994, Dr Mahathir berkata beliau masih tidak tahu ke mana wang itu pergi.

"Kita tahu terdapat banyak wang di negeri kerana kekayaan Sabah tetapi apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan pada 1994, wang tiada lagi. Ke mana semua wang itu pergi?. Itulah yang kita mahu ketahui sekarang," katanya.

Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada semua parti politik dan penyokong-penyokong mereka kerana mengendalikan kempen-kempen yang berakhir hari ini dengan aman.

Beliau juga gembira kerana tiada kejadian tidak diingini seperti konfrontasi antara penyokong parti-parti lawan ataupun laporan penyokong dipukul atau cedera kerana kempen yang sengit.

Beliau berkata, semangat BN di kalangan parti-parti komponen juga baik dan sebagai contoh Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee hadir di Kudat hari ini untuk membantu seorang lagi calon BN, Datuk Chong Kah Kiat dari Parti Liberal Demokratik (LDP). Kedua-duanya parti komponen BN.

Perdana Menteri berkata, anggota-anggota Umno juga turun ke semua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri untuk membantu calon-calon BN tidak kira parti komponen mana.

Mengenai peruntukan kewangan bagi negeri itu, Dr Mahathir berkata Sabah di bawah kerajaan pembangkang tidak boleh berbuat banyak jika bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kita akan menyediakan wang dan kita tahu kerajaan negeri boleh menggunakan wang itu .. tetapi pembangkang tidak pernah mentadbir negeri ini dengan baik walaupun mereka mempunyai wang," kata beliau.

-- BERNAMA

EL AU PR